**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

# KERATAN AKHBAR
## 17 Nov2021 (Wednesday)

**Berita Harian**
PN tidak terikut pendekatan parti lain 1
Kerjasama bina kontena runcit 2

**Utusan Malaysia**
Berbaloi tutun 8 kilogram 3

**Harian Metro**
Pn ada strategi 'pancing' pengundi 4

**Sinar Harian**
Aura pemimpin jadi taruhan calon 5
700 kakitangan MBSA ikrar bebas rasuah 6
Kl City FC tekad pertahan rekod cemerlang 7

**Selangor TV**
700 Warga MBSA Lafaz Ikrar Bebas Rasuah 8

**The Star**
Council matters 9
Perikatan has identified CM candidate, says Azmin 10
Tamil books by Malaysians hit library shelves 11

**China Press**
10 illegal structures occupying river reserves were ordered to be demolished ! 12

**Sin Chew Daily**
Selangor and KL Dong Lian and Construction Committee: Clarify the stop-work order; Mah Hang Soon should quick meet with SJKC Too Joon Hing Construction Committee. 13

**Tamil Malar**
Selangor Govt allocate RM338,000 of subsidy in Selangor 14

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR 17 November 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | PN tidak terikut pendekatan parti lain |
| Muka Surat | : | 5 |

# PN tidak terikut pendekatan parti lain

**Melaka:** Perikatan Nasional (PN) mempunyai pendekatan tersendiri bagi mendekati pengundi pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka dan tidak perlu terikut-ikut kaedah parti lain, kata Pengarah Pilihan Raya PN, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, PN tidak mahu terbawa-bawa dengan pendekatan parti lain yang lebih cenderung mengumumkan calon ketua menteri masing-masing apabila berjaya membentuk kerajaan.

"Kita perlu mencari pendekatan baharu mendekati mereka (pengundi), menerangkan manifesto dan memaklumkan kejayaan PN dalam tempoh dua tahun ini untuk menjaga kesihatan serta memulihkan ekonomi, ini keutamaan kita," katanya di sini, semalam.

Proses pengundian awal dijalankan bermula jam 8 pagi semalam yang menyaksikan 11,557 anggota polis, tentera dan pasangan mereka menunaikan tanggungjawab masing-masing. Proses pengundian berlangsung di 31 Pusat Pengundian Awal (PPA) di seluruh negeri sehingga jam 5.30 petang.

PRN Melaka diadakan berikutan pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) pada 4 Oktober lalu selepas empat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) menarik sokongan terhadap Ketua Menteri, Datuk Seri Sulaiman Md Ali. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan hari pengundian pada 20 November ini

Mohamed Azmin yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri berkata, rakyat ketika ini hanya ingin mengetahui dasar dan inisiatif akan dilakukan PN jika diberi mandat oleh rakyat untuk mengetuai kerajaan negeri selepas ini.

BERNAMA

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 17 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Berita Harian |
| Tajuk Berita | : | Kerjasama bina kontena runcit |
| Muka Surat | : | 38 |

# Kerjasama bina kontena runcit

## PREC, Tourism Selangor tawar tarikan tambahan di SACC Walk

Oleh Hazwan Faisal Mohamad
hazwanfaisal@bh.com.my




*Fakru Radzi (kiri) dan Azrul Shah pada majlis menandatangani MoU antara PREC dan Tourism Selangor di Shah Alam, semalam.*
(Foto Faiz Anuar/BH)

**PKNS** Real Estate Sdn Bhd (PREC) bekerjasama dengan Tourism Selangor Sdn Bhd bagi membina dan membangunkan projek SACC Walk Retail Container.

Ketua Pegawai Eksekutif PREC, Fakru Radzi Ab Ghani, berkata pihaknya akan melabur kira-kira RM1 juta bagi membangunkan 10 kontena runcit di SACC Walk, Shah Alam.

Katanya, fenomena kontena terpakai yang dikomersialkan untuk tujuan rumah inap, ruang pejabat, kedai makan, dan peruncitan bukan sesuatu yang baharu.

"Justeru, kami percaya kerjasama dengan Tourism Selangor untuk mengadakan kontena terpakai di tapak yang strategik seperti SACC Walk mampu menjadi daya tarikan tambahan kepada pengunjung.

"Apatah lagi dengan kepelbagaian dan kelainan produk dan perkhidmatan yang bakal ditawarkan, kami percaya ia mempunyai kelebihan daya saing yang mampu memenangi hati orang ramai," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara PREC dan Tourism Selangor bagi membangunkan kontena berkenaan.

Tourism Selangor diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Azrul Shah Mohamad.

Mengulas lanjut, Fakru Radzi berkata, selain menyediakan tapak untuk kontena runcit, pelan pelaksanaan turut menyokong kerja pemasangan penuh kontena, keperluan teknikal, pelesenan dan perkara berbangkit.

"Sokongan kewangan turut disediakan kepada bakal penyewa atau mana-mana syarikat yang berminat untuk membeli kontena atau menjadi sebahagian daripada kandungan Kontena Runcit SACC Walk.

"Pemasangan sebanyak 10 kontena runcit ini dijangka siap menjelang hari raya tahun depan," katanya.

Sementara itu, Azrul berkata, bagi menyokong usaha itu, Tourism Selangor akan bertanggungjawab menyalurkan maklumat atau hebahan kepada pihak berminat untuk tujuan pembelian atau penyewaan, selain mengadakan acara atau aktiviti mempromosikan SACC Walk kepada orang ramai bagi mewujudkan kesedaran mengenai daya tarikan di kawasan itu.

Katanya, MoU yang dimeterai itu menandakan sebuah lagi pencapaian Tourism Selangor, terutama dalam pemerkasaan sektor peruncitan, iaitu antara elemen terpenting dalam sektor pelancongan negeri.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>17 November 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | : | Berbaloi tutun 8 kilogram |
| Muka Surat | : | 46 |

# Berbaloi turun 8 kilogram

**PETALING JAYA:** Kerja keras Romel Morales yang menurunkan berat badan lapan kilogram di awal musim nyata membuahkan hasil buat penyerang Kuala Lumpur City (KL City) itu semakin berbisa di pentas Piala Malaysia selepas meledak sembilan gol.

Perkara itu dikongsikan ketua jurulatih KL City, Bojan Hodak, sambil menyatakan apa yang terjadi pada Morales adalah di atas usahanya sendiri selepas dia turut mengubah posisi pemain berkenaan dari seorang pemain tengah ke penyerang.

Kata Hodak, beliau tidak menjangkakan perubahan ketara yang ditunjukkan Morales di pentas Piala Malaysia berbanding Liga Super apabila penyerang dari Colombia itu sekadar menjaringkan lima gol.

"Morales memang asalnya seorang pemain tengah tetapi cara permainannya, dia tak suka bertahan dan saya meletakkannya selaku penyerang ekoran kami tidak ada sesiapa untuk bermain di posisi berkenaan.

"Sejak awal dia diturunkan sebagai penyerang, dia sendiri berusaha menurunkan berat badan sejak Januari lalu, situasi itu menjadikan dia lebih berbahaya.

"Dalam bola sepak, ada kalanya sesetengah perkara tidak boleh dinyatakan apabila melihat dia berterusan menjaringkan gol tetapi apa yang pasti, segala kerja kerasnya membuahkan hasil.



**BERJAYA menurunkan berat badan 8 kilogram adalah Romel Morales cemerlang dalam kempen Piala Malaysia.**

"Tidak dinafikan faktor tuah menyebelahinya dan tiap kali dia mendapat ruang biarpun dari jauh, saya selalu arahkan dia untuk lepaskan rembatan kerana apa sahaja dia lakukan pasti akan membuahkan jaringan, itu tandanya seseorang penyerang itu sedang berada di kemuncak prestasi," katanya.

Penyerang berusia 24 tahun itu meledak satu jaringan penting ketika KL City membenam juara 33 tahun, Selangor 2-0 pada suku akhir pertama di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Ahad lalu.

Apa diperkatakan Bojan itu diperakui Morales yang berkata, dia turut berdisiplin mengawal cara pemakanannya sekali gus berasa lebih cergas sepanjang 90 minit beraksi bersama pasukan.

"Masa awal musim dulu, psikologi saya sangat berbeza dengan sekarang dan apabila saya berjaya menurunkan berat seperti yang diharapkan jurulatih, saya rasa sangat gembira.

"Saya juga semakin ambil berat terhadap soal pemakanan dan situasi itu nyata membantu saya beraksi dengan baik pada tiap perlawanan," katanya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 17 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Harian Metro |
| Tajuk Berita | : | Pn ada strategi 'pancing' pengundi |
| Muka Surat | : | 16 |

# PN ada strategi 'pancing' pengundi

**Melaka:** Perikatan Nasional (PN) mempunyai pendekatan tersendiri dalam mendekati pengundi pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka dan tidak perlu terikut-ikut dengan kaedah parti-parti lain, kata Pengarah Pilihan Raya PN Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, PN tidak mahu terbawa-bawa dengan pendekatan parti lain yang lebih cenderung mengumumkan calon ketua menteri masing-masing apabila berjaya membentuk kerajaan.

"Kita kena mencari pendekatan baharu untuk mendekati mereka (pengundi), menerangkan manifesto, dan kita juga memaklumkan tentang kejayaan PN dalam tempoh dua tahun ini untuk menjaga kesihatan dan memulihkan ekonomi, ini keutamaan kita," katanya.

Mohamed Azmin yang juga Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu berkata, rakyat ketika ini ingin tahu mengenai dasar dan inisiatif yang akan dilakukan PN jika diberi mandat oleh rakyat untuk mengetuai kerajaan negeri selepas ini.

Semalam berlangsungnya proses pengundian awal PRN Melaka bermula jam 8 pagi yang menyaksikan 11,557 anggota polis, tentera dan pasangan mereka menunaikan tanggungjawab masing-masing.

Proses pengundian berlangsung di 31 Pusat Pengundian Awal (PPA) di seluruh negeri sehingga jam 5.30 petang ini.

PRN Melaka diadakan berikutan pembubaran Dewan Undangan Negeri (Dun) pada 4 Oktober lalu selepas empat Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) menarik sokongan terhadap Ketua Menteri Datuk Seri Sulaiman Md Ali.

SPR menetapkan hari pengundian pada 20 November ini.



MOHAMED Azmin

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 17 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Aura pemimpin jadi taruhan calon |
| Muka Surat | : | 16 |

# Aura pemimpin jadi taruhan calon



ANALISIS MUKA 16

ASYRAF MUHAMMAD

Bahang kempen Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka yang berbaki hanya beberapa hari sahaja lagi kian terasa menjelang tarikh pembuangan undi pada 20 November ini.

Menerusi kempen pada kali ini, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) membuat beberapa penetapan dan prosedur operasi standard (SOP) baharu bagi melaksanakan pilihan raya dalam suasana negara sedang menjalani proses pemulihan daripada pandemik Covid-19.

Tidak dinafikan, setiap calon pada kali ini berdepan kesukaran dalam menyampaikan agenda masing-masing kepada rakyat ekoran daripada kekangan SOP ditetapkan SPR itu.

Susulan penetapan baharu itu, beberapa pihak menyatakan bantahan berhubung pelaksanaan SOP berkenaan yang dianggap menyukarkan kempen khususnya bagi memperkenalkan calon masing-masing dalam PRN kali ini.

Malah, ketika sesi perbahasan di Dewan Rakyat baru-baru ini, Ahli Parlimen Pontian, Datuk Seri Ahmad Maslan juga mendesak kerajaan supaya menyemak SOP PRN Melaka dengan memberikan sedikit kelonggaran ketika proses berkempen.

Situasi ini juga mungkin telah membuatkan beberapa parti bertanding memilih pendekatan untuk menggunakan imej atau aura pemimpin yang mempunyai nama-nama besar untuk membantu kempen buat calon bertanding.

> *Secara asasnya, aura atau imej dibawa seseorang pemimpin besar itu mungkin dapat membantu sesebuah parti bagi meraih sokongan rakyat seperti mana yang berlaku dalam PRU14 lalu."*

Sebagai contoh, kem Perikatan Nasional (PN) lebih banyak memaparkan wajah bekas Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang juga merupakan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) dalam poster kempen PRN kali ini.

Walaupun pemimpin Bersatu itu tidak bertanding dalam PRN ini, namun poster wajah Muhyiddin dikatakan lebih banyak dipaparkan dalam kempen berbanding calon mereka yang bertanding.

Dalam pada itu, Pengarah Pilihan Raya PN, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berkata, strategi PN di Melaka itu adalah bagi membawa mesej jelas agar rakyat perlu memilih PN yang telah membawa perubahan besar dalam negara sejak gabungan itu dibentuk dua tahun lalu.

"Saya kira tidak salah untuk kita menonjolkan tokoh besar PN yang terbukti telah membawa satu perubahan yang besar dalam tempoh dua tahun sejak PN terbentuk.

"Jadi ini satu strategi untuk memperlihatkan bahawa Muhyiddin mempunyai dukungan dalam kalangan anak-anak muda yang akan mewarisi kepimpinan negara akan datang," katanya.

### *Poster boy* parti

Secara asasnya, aura atau imej dibawa seseorang pemimpin besar itu mungkin dapat membantu sesebuah parti bagi meraih sokongan rakyat seperti mana yang berlaku dalam Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU14) lalu.

Tidak dinafikan, aura bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada ketika itu telah banyak membantu peralihan sokongan rakyat kepada Pakatan Harapan (PH) sekali gus berjaya membentuk kerajaan di negara ini.

Tidak terkecuali parti-parti lain yang turut mempunyai wajah *'poster boy'* dalam menarik keyakinan rakyat kepada parti masing-masing.

Pakatan Harapan sendiri contohnya tidak ketinggalan menggunakan aura Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam memikat hati pengundi Melaka.

Berbeza dengan Barisan Nasional (BN), selain membawa aura bekas Presiden, Datuk Seri Najib Tun Razak, parti itu turut sempat membawa Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob turun ke bumi Hang Tuah beberapa hari lalu.

Yang pasti pada akhirnya, rakyat mahu melihat calon bertanding untuk turun padang mendekati mereka bagi mengenali bakal pemimpin di kawasan itu dan agenda yang ingin dibawa.

Rakyat kini semakin bijak memilih dan menginginkan pemimpin yang benar-benar dapat berkhidmat buat mereka.

**Asyraf Muhammad ialah Wartawan Sinar Harian Selangor/KL*

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>17 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | 700 kakitangan MBSA ikrar bebas rasuah |
| Muka Surat | : | 22 |

# 700 kakitangan MBSA ikrar bebas rasuah

Diketuai sendiri Datuk Bandar Shah Alam bagi memperkasakan integriti

Oleh MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR

SHAH ALAM

Seramai 700 kakitangan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) melafazkan ikrar bebas rasuah sempena Sambutan Hari Integriti pada Selasa.

Lafaz ikrar berkenaan diketuai sendiri oleh Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Zamani Ahmad Mansor di Dewan Auditorium, MBSA.

Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA memberitahu, program itu merupakan inisiatif pihak MBSA untuk memperkasakan integriti dalam kalangan warga kerjanya.

"Pelaksanaan Hari Integriti bertujuan meningkatkan tahap kesedaran dan kefahaman mengenai integriti dalam bidang pekerjaan," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.



ZAMANI AHMAD



Sebahagian warga kerja MBSA melafaz ikrar bebas rasuah sempena sambutan Hari Integriti di Dewan Auditorium, MBSA pada Selasa.

Pada majlis sama, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) Selangor, Datuk Alias Salim turut menyaksikan sesi menandatangani ikrar bebas rasuah tersebut.

Kenyataan itu memberitahu, MBSA berharap dapat membudayakan integriti di dalam jiwa semua warga kerjanya di samping menanam tekad untuk menolak dan tidak terlibat dengan sebarang aktiviti negatif seperti gejala rasuah dan salah guna kuasa.

Menurut kenyataan itu lagi, program berkenaan memberi ruang dan peluang kepada warga kerja MBSA untuk berkongsi idea serta pengalaman bersama panel yang membicarakan topik berkaitan integriti.

Antara pengisian program itu ialah Bicara Pagi Integriti yang membincangkan topik *Integriti Teras Kekuatan Jiwa* yang disampaikan oleh penceramah ACT Consulting, Firdaus Djamaris dan Bual Bicara bertajuk *Ku Perbetulkan Segala Kesilapan Yang Lalu* disampaikan oleh penceramah selebriti, Syamsul Debat.

Majlis tersebut diserikan dengan pelancaran buku *Pengurusan Risiko Rasuah* (CRM) dan buku *Tatacara Pengurusan Tatatertib*.

Selain itu, turut diadakan pameran daripada pelbagai agensi termasuk Penjara Sungai Buloh, Unit Integriti MBSA, Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Petaling serta Unit Kaunseling Negeri Selangor.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>17 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | : | Kl City FC tekad pertahan rekod cemerlang |
| Muka Surat | : | 39 |

# KL City FC tekad pertahan rekod cemerlang

**KELEBIHAN** beraksi di gelanggang sendiri akan dimanfaatkan sebaiknya Kuala Lumpur (KL) City FC ketika berdepan Selangor FC pada aksi suku akhir kedua Piala Malaysia di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur pada Khamis.

Pengendali KL City FC, Bojan Hodak berkata, anak-anak buahnya harus mengekalkan rekod cemerlang mereka di stadium berkenaan apabila menanti kunjungan *The Red Giants.*

"Ya sudah tentu kami mahu mengambil peluang beraksi di tempat sendiri dengan meraih kemenangan. Kami tidak tewas di tempat sendiri musim ini, jadi kami mahu meneruskan rekod itu.

"Bagaimanapun, saya tidak mahu pemain-pemain leka apabila berdepan Selangor nanti. Saya percaya Selangor akan berjuang habis-habisan untuk mengubah kedudukan sekarang.

"Saya harap pemain-pemain dapat mengikut taktikal yang dirancang. Kami hanya selangkah lagi untuk mencipta satu lagi sejarah mara ke separuh akhir," katanya kepada *Sukan Sinar* pada Selasa.

KL City FC kini berpeluang cerah mara ke separuh akhir selepas menewaskan Selangor FC 2-0 menerusi jaringan penyerang import, Romel Morales dan Hadin Azman dalam aksi suku akhir pertama di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) pada Ahad lalu.

Namun, Bojan yang mula membimbing skuad *The Hawks* musim ini mengingatkan barisan pemainnya terus kekal fokus biarpun mereka memiliki kelebihan dua gol di gelanggang lawan.

"Pada peringkat kalah mati seperti ini, tidak ada ruang untuk mana-mana pemain melakukan kesilapan. Jika itu berlaku, ia mungkin akan mengundang padah kepada pasukan," ujarnya.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>16 November 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Selangor TV |
| Tajuk Berita | : | 700 Warga MBSA Lafaz Ikrar Bebas Rasuah |
| Muka Surat | : | - |

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 17 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | Council matters |
| Muka Surat | : | 3 |

**COUNCIL MATTERS**
Petaling Jaya City Council's online platform for next year's Chinese New Year permit applications is open until Nov 30. The four locations are Dataran Boulevard at Section 52 as well as Jalan Othman, Taman Megah and Kampung Cempaka markets. To apply, go to https://elesen.mbpj.gov.my/. For details, call the Licencing Department at 03-7954 1548 or contact via WhatsApp or Telegram at 013-9410 146 during office hours or write to smartlesen@mbpj.gov.my

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 17 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | Perikatan has identified CM candidate, says Azmin |
| Muka Surat | : | 7 |

# Perikatan has identified CM candidate, says Azmin

**MELAKA:** Perikatan Nasional has already identified its Melaka chief minister candidate if the coalition wins the Nov 20 polls, says Datuk Seri Azmin Ali.

The Perikatan election director said Gerakan and PAS, which are in the coalition, had agreed to the proposed name for chief minister, who is from Parti Pribumi Bersatu Malaysia.

"We are now focusing on winning the polls without delving into who is going to be the chief minister," he said after a visit here yesterday.

Azmin added that Perikatan chairman Tan Sri Muhyiddin Yassin had made the same announcement recently.

He explained that Perikatan was keen to disseminate information to voters because the coalition had fielded new faces in the state election.

"These candidates are unable to reach out to voters due to the new norm of the state polls," Azmin added.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR 17 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | The Star |
| Tajuk Berita | : | Tamil books by Malaysians hit library shelves |
| Muka Surat | : | 14 |

# Tamil books by Malaysians hit library shelves

THIRTY Tamil books penned by local authors have been selected to be included in public libraries in Selangor this year through the efforts of the Super Mind Dinamik (SMD) institute, *Makkal Osai* reported.

The effort to make Tamil books available through libraries in Selangor began 13 years ago, SMD coordinator and motivational speaker M. Ganesan said.

The effort has received good support from director of Selangor Public Library Corporation Datin Mastura Muhamad and her team. This has led to about 50,000 Tamil books becoming available to the public.

> The daily also reported that ceremonial ponds in all 2,359 Hindu temples in Tamil Nadu, India, are filled to the brim following heavy downpours over the past week.

Many districts in the state have been inundated and hundreds of thousands have been displaced due to the monsoon.

However, the rain has been a boon for the temples, many of which saw their ceremonial ponds filled to the brim for the first time in years. The Hindu Religious and Charitable Endowments Department which manages the temples said the ponds had been undergoing renovation.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| **KERATAN AKHBAR<br>17 November 2021** | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | China Press |
| Tajuk Berita | : | 10 illegal structures occupying river reserves were ordered to be demolished ! |
| Muka Surat | : | 12 |

大城事




■雪州水务管理局接获公众投保后，展开实地考察。（取自LUAS面子书）

# 非法霸占河流保留地 10非法建筑物拆！

（莎阿南16日讯）非法霸占河流保留地，拆！

雪州水务管理局（LUAS）接获公众投报后，依法拆除霸占双溪毛糯河的10个非法建筑物。

当局今日透过官网面子书发文指出，当局接获公众投报，指称双溪毛糯河道保留地遭非法霸占，因此官员随后在11月8日前往考察。

## 接獲公衆投報

“执法人员抵达位于瓜雪而揽区瑟沙兰的河口7路（Jalan Muara 7, Sesaran），发现双溪毛糯河保留地50公尺范围内，建有10个非法建筑物，包括房屋、仓库、用于捕鱼的码头和鱼寮等。”

为此，当局也立即展开拆除行动，惩戒所有违规者。



■雪州水务管理局证实有人违法霸占河流保留地，依法拆除10个非法建筑物。

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991

| KERATAN AKHBAR<br>17 November 2021 | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Sin Chew Daily |
| Tajuk Berita | : | Selangor and KL Dong Lian and Construction Committee: Clarify the stop-work order; Mah Hang Soon should quick meet with SJKC Too Joon Hing Construction Committee. |
| Muka Surat | : | 14 |




雪隆董联会移交捐献金给朱运兴华小建委会。（主办方提供）

## 雪隆董聯 建委會：釐清停工令

# 馬漢順應速晤朱小建委會

### 出席联席会议者

| 雪隆华校董联会 | | |
|---|---|---|
| 1 | 蔡庆文 | 主席 |
| 2 | 陈正锦 | 副主席兼华小事务委员会主任 |
| 3 | 翁清玉 | 副主席兼华校增建及土地事务委员会主任 |
| 4 | 罗志昌 | 秘书长 |
| 5 | 陈云枫 | 财政 |
| 6 | 林泽民 | 副财政 |
| 7 | 萧子江 | 常务理事 |
| 8 | 罗文森 | 理事兼华小事务委员会副主任 |
| 9 | 骆展丰 | 理事兼华小事务委员会副主任 |
| 10 | 李金泉 | 理事兼八打灵发展华小工委会主席 |
| 11 | 林宗贵 | 理事 |

| 朱运兴华小建委会 | | |
|---|---|---|
| 1 | 王友泰 | 主席 |
| 2 | 涂传智 | 副主席 |
| 3 | 黄小真 | 财政 |
| 4 | 苏文正 | 副秘书 |
| 5 | 陈世利 | 建委会成员 |
| 6 | 邓国球 | 建委会成员 |

（吉隆坡16日讯）雪隆华校董联会与朱运兴华小建委会对教育部突然勒令朱运兴华小停工一事表示不能理解，吁请教育部副部长拿督马汉顺应即刻安排时间，会见朱运兴华小建委会成员，厘清停工令的疑虑，并确保该校建校工程能够如期进行，让该校顺利于2023年招生。

他们希望教育部能尽快会见建委会代表，建校工程得以复工。

雪隆华校董联会理事会于15日（星期一）接待来访的朱运兴华小建委会成员，听取汇报及交流后，雪隆华校董事会联合会主席蔡庆文和朱运兴华小建委会主席王友泰发表联合声明。

### 要求教部解释没下文

声明指出，朱运兴华小建校工程完全符合教育部及梳邦再也市政厅的所有程序，2020年7月获得准证后即开始建校工作。教育部秘书长拿督尤斯兰沙突然于10月25日署名给建委会主席王友泰的电邮信函，指示该校必须立即停工，惟没有阐明理由。该校建委会已经发函给教育部要求会面及给予合理的解释，惟至今皆没有得到任何回复。

“朱运兴华小乃是2017年，所宣布增建10+6所华小之一，之前建校工委会已取得教育部和首邦再也市政厅的建校批文和发展准证。目前正如火如荼地展开建校的工作，预计2023年新学年开始招生。朱运兴华小的停工令将导致该校建校工程面对不必要的拖延，除材料费涨价外，也包括可能对建筑承包商赔偿，这是严重的经济负担，这些损失，该由谁负责？我们吁请教育部从善如流，尽快允许该校建委会恢复建校工程，以造福当地居民。

“蒲种区华裔众多，当地居民对华小的需求殷切，而目前的5所华小学生年年招生爆满，学额供不应求。当地迫切需要多增建4所华小以应对华小学额不足的问题。我们深切盼望各政党人士不要将教育课题政治化，不论任何政党执政，都应将政府所承诺的建校计划如期完成。”

声明表示，他们认同董教总及华教组织的一贯立场，要求政府在有需要的地区增建华小，以满足家长对母语教育的需求，这也是国人接受基本教育的权利。

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com

**CERTIFIED TO ISO 9001:2008**
**CERT. NO. : AR1991**

## KERATAN AKHBAR
## 17 November 2021

| | | |
|---|---|---|
| Akhbar | : | Tamil Malar |
| Tajuk Berita | : | Selangor Govt allocate RM338,000 of subsidy in Selangor |
| Muka Surat | : | 13 |

# சிலாங்கூரில் 36 தேவாலயங்களுக்கு வெ.3 இலட்சத்து 38 ஆயிரம் மானியம்

எஸ்.எஸ்.மணிமாறன்.

ஷா ஆலம், நவ.17–

சிலாங்கூர் மாநில த்தில் உள்ள 36 தேவாலயங்களுக்கு 3 இலட்சத்து 38 ஆயிரம் வெள்ளி க்கான மானியம் வழங்கப்பட்டது. மாநில ஆட்சி க் குழு உறுப்பினர் ஹீ லோய் சியான் ஷா ஆலமில் உள்ள அரசு அலுவலகத்தில் தேவாலயத்தின் பொறுப்பாளர் களிடம் மானியத்திற்கான காசோலைகளை வழங்கி னார். தொற்று ப் பரவல் காரணமாக இந்த த் தேவாலயங்கள் நிதி நெருக்கடியை எதிர் நோக்கி வந்தன. அதனைச் சரி செய்யும் பொருட்டு இந்த மானியத்தை வழங்கி யதாக அவர் தெரிவித்தார். மோரிப் சட்டமன்ற உறுப்பினர் துவான் ஹாஜி



ஹஸ்னுல் பகாருடின் கோலலங்காட் நகராண்மைக்கழக த்தின் முன்னாள் உறுப்பினர் லாவ் கோக் ஹுவா இந்நிகழ்ச்சியில் கலந்து கொண்டனர்.